

## Sokongan Persekutaran Sosial di Pelbagai Jenis Sekolah Menengah dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar

(Social Environmental Support in Various Types of Secondary Schools in Improving Soft Skills Among Students)

IRWAN FARIZA SIDIK\*, MOHD MAHZAN AWANG, & ABDUL RAZAQ AHMAD

### ABSTRAK

*Sokongan persekitaran perlu bagi menggalakkan keterlibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti di sekolah. Ini dapat memupuk kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Kemahiran insaniah perlu dikuasai oleh pelajar ketika berada di sekolah menengah dan membantu mereka melangkah ke alam pekerjaan kelak. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap dan hubungan sokongan persekitaran dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar pelbagai jenis sekolah. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik yang melibatkan seramai 200 orang pelajar tingkatan 4 dari empat jenis sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan sekolah berasrama penuh (SBP) di Negeri Sembilan. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini iaitu kekerapan, peratusan, skor min, sisihan piawai dan korelasi Pearson. Keseluruhan konstruk berada pada tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.896 hingga 0.965. Dapatkan kajian menunjukkan keseluruhan tahap sokongan persekitaran (min = 3.95, sisihan piawai = 0.914) dan kemahiran insaniah pelajar (min = 3.81, sisihan piawai = 0.849) masing-masing berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian menunjukkan faktor sokongan persekitaran merupakan elemen penting serta mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran insaniah pelajar dengan nilai ( $r = 0.701$ ) dan  $sig = 0.000$  ( $p < 0.01$ ). Kekuatan hubungan ialah positif kuat. Implikasi dapatan kajian mencadangkan pihak sekolah perlu melaksanakan pelbagai program mengikut keperluan pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.*

*Kata kunci:* Sokongan persekitaran, kemahiran insaniah, sekolah menengah

### ABSTRACT

*Environmental support is necessary to encourage students' engagement and nurture students' inner skills in various activities at school. Soft skills should be mastered by students in high schools in a way to help them step into the realm of work. The purpose of this study is to identify the level and support of the environment in improving the soft skills of students from different types of schools. Surveys were conducted using questionnaires involving a total of 200 form four students from four types of schools namely SMK, SMJK, SMKA and full boarding schools (SBP) of Negeri Sembilan. Descriptive and inferential analysis used in this study are frequency, percentage, mean score, standard deviation and Pearson correlation. A high level of reliability of 0.896 to 0.965 portrays. The findings showed the overall level of environmental support (mean = 3.95, standard deviation = 0.914) and student's soft skills (min = 3.81, standard deviation = 0.849) were moderately high. Research shows that environmental support factor is an important element and has significant relationship with student's soft skills. The implications of the findings suggest that the school should implement various programs according to the needs of students to improve the students' soft skills.*

*Keywords:* Environmental support, soft skills, secondary school

### PENGENALAN

Sokongan persekitaran memainkan peranan penting dalam menggerakkan semangat pelajar untuk menyertai aktiviti pembelajaran serta menyesuaikan diri semasa berada di sekolah. Sokongan persekitaran terdiri daripada sokongan guru, rakan sebaya dan ibu bapa mempengaruhi keterlibatan pelajar. Sokongan guru melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dengan menerapkan kemahiran insaniah. Ini memberi kesan

terhadap keterlibatan pelajar sama ada dapat menghayati atau mengembangkan apa yang telah dipelajari di sekolah. Seterusnya, ibu bapa yang mengambil tahu tentang keinginan dan cita-cita anak-anak mereka akan sentiasa memberikan sokongan, motivasi dan perangsang dapat memupuk kemahiran insaniah pelajar (Anisa Saleha 2015; Haslina Md Yunus et al. 2015).

Kemahiran insaniah perlu disemai dalam diri setiap pelajar. Pelajar seharusnya dilengkapi dengan kemahiran berfikir kreatif dan kritis, kemahiran menyelesaikan

masalah, kemahiran berkomunikasi, berinisiatif, beretika dan budaya belajar sepanjang hayat (Marlina et al. 2011). Pemupukan kemahiran insaniah seharusnya sepanjang masa persekolahan dan mereka perlu menguasai setiap kemahiran tersebut. Guru dan ibu bapa perlu memberi perhatian terhadap proses pembelajaran pelajar agar masalah keciciran akademik dan sahsiah dalam kalangan pelajar dapat diatasi. Seterusnya, akan dapat meningkatkan kemahiran insaniah dan pencapaian akademik pelajar (Supian Hashim 2010).

Tahap keterlibatan pelajar di sekolah dikaitkan dengan sokongan persekitaran pelajar seperti sokongan guru, rakan sebaya dan ibu bapa. Selain itu, persekitaran pembelajaran yang kondusif akan meningkatkan keterlibatan dan kemahiran insaniah pelajar (Anisa Saleha 2015; Haslina Md Yunus et al. 2015). Sokongan persekitaran lemah menimbulkan pelbagai masalah yang mempengaruhi perilaku pelajar. Perubahan emosi seperti perasaan rendah diri, sunyi, bosan dan sebagainya memberi kesan negatif kepada pelajar. Kesannya, pelajar menjadi pendiam, tidak suka bergaul, mudah tersinggung, bermotivasi rendah, mempunyai ciri-ciri personaliti yang kurang sesuai, pencapaian akademik yang tidak cemerlang dan tidak menguasai kemahiran insaniah (Yahya Buntat et al. 2010; Tan Swee Chen et al. 2013). Justeru itu, pihak sekolah perlu proaktif bagi mengatasi fenomena ini.

Keterlibatan pelajar secara aktif dalam bidang kokurikulum turut memberi kesan kepada kemahiran insaniah pelajar. Walau bagaimanapun, jika disorot kembali Wilhelm et al. (2002) menyatakan bahawa sekolah menengah masih gagal untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar semasa persekolahan pelajar. Kemahiran insaniah perlu diterapkan atau diintegrasikan menerusi aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Pelajar sendiri perlu mengetahui kemahiran yang menjadi asas atau petunjuk utama dalam kemahiran insaniah supaya persediaan dapat dilakukan untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi pelajar melalui kemahiran insaniah (Martinez 2005). Oleh sebab itu, pihak sekolah perlu membuat perancangan dengan menyenaraikan dan menerapkan kemahiran-kemahiran utama sejak awal kemasukan pelajar di tingkatan satu lagi.

Dewasa ini isu peningkatan siswazah menganggur semakin meningkat setiap tahun. Ini memberikan gambaran bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menyemak semula kurikulum dengan memasukkan elemen kemahiran insaniah dalam setiap mata pelajaran di sekolah. Isu ini mempunyai kaitan dengan kekurangan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar. Jelaslah bahawa tenaga kerja pada alaf ini perlu mempelajari kemahiran insaniah agar dapat seiring dengan kehendak pasaran kerja semasa (Ahmad Esa et al. 2011). Pelajar perlu diperkuuhkan dengan kemahiran pelbagai agar seiring dengan kehendak pasaran guna tenaga kerja pada hari ini. Peranan sekolah seharusnya dapat menyediakan pelajar dengan pelbagai kemahiran dan mengikut standard yang bersesuaian dengan kehendak industri negara. Kemahiran

yang dimiliki oleh pelajar akan membantu mereka bersaing pada peringkat seterusnya (Fadilah Mat Assain et al. 2010; Haslina Md Yunus et al. 2015). Selain itu, pelajar perlu menguasai ciri pekerja yang diperlukan oleh majikan era globalisasi, terutamanya dari segi kemahiran memimpin, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir kritis kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran kerja berkumpulan serta mempunyai kesanggupan untuk belajar sepanjang hayat dan mempunyai etika kerja yang positif (Quek 2005).

Oleh demikian, kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara sokongan persekitaran dalam meningkatkan kemahiran insaniah. Sokongan persekitaran berdasarkan sokongan guru, sokongan rakan sebaya dan sokongan ibu bapa. Manakala kemahiran insaniah yang dikaji dalam kajian ini berdasarkan empat komponen iaitu kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran sosial-interpersonal, kemahiran memimpin dan kemahiran menyelesaikan masalah. Persoalan yang dibangkitkan ialah apakah tahap sokongan persekitaran dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar dan adakah terdapat hubungan antara sokongan persekitaran dengan kemahiran insaniah pelajar pelbagai jenis sekolah?

#### SOKONGAN PERSEKITARAN

Sokongan persekitaran dalam kalangan pelajar penting kerana ia berperanan melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik dan emosi. Pelajar dilengkapi dengan individu di sekelilingnya bagi mencorak kehidupan pada masa akan datang (Najeemah Mohd Yusof 2010). Pelajar memerlukan sokongan sosial dari ibu bapa, guru, rakan sebaya dan individu yang berada di sekelilingnya untuk meningkatkan keyakinan bagi membina kemahiran diri dan mencapai kejayaan dalam akademik (Tan Swee Chen et al. 2013). Faktor-faktor sokongan persekitaran boleh mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku pelajar.

Sokongan persekitaran meliputi elemen-elemen kemanusiaan, seperti sokongan guru, sokongan ibu bapa, sokongan rakan sebaya dan sokongan masyarakat serta elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka (Zakaria Stapa et al. 2012). Walau bagaimanapun, pelajar perlu mendapat semua sumber sokongan persekitaran iaitu ibu bapa, guru, rakan sekelas dan komuniti untuk membantu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar (Teoh et al. 2010).

Guru merupakan pembimbing yang membawa pelajar mencapai kejayaan yang cemerlang. Guru sebagai sumber inspirasi kepada pelajar dan memberikan sokongan motivasi yang boleh mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar (Mohamad Johdi Saleh et al. 2012). Seorang guru berperanan sebagai penasihat, perunding, pendorong, pakar rujuk dan mengawasi disiplin pelajar (Norzaini Azman et al. 2007). Sewaktu proses pengajaran,

guru perlu menimbulkan minat pelajar terhadap proses pembelajaran, membimbing mereka dengan kemahiran belajar yang berkesan, membentuk sikap pembelajaran dan meningkatkan penguasaan kemahiran insaniah mereka (Mok Soon Sang 2003; Anisa Saleha 2015). Hubungan yang baik meningkatkan kemahiran interpersonal dan mewujudkan perasaan seronok kepada pelajar untuk belajar sepanjang sesi pembelajaran dalam bilik darjah mahupun di persekitaran sekolah (Syofia Ulfah et al. 2013).

Rakan sebaya merujuk kepada kumpulan kanak-kanak atau remaja yang sama, selalunya mempunyai lingkungan umur, gander atau status sosioekonomi yang sama dan berkongsi minat yang serupa (Rozita Abd Latif 2009). Rakan sebaya merupakan tempat mereka meluahkan masalah dan pengganti ibu bapa di sekolah. Pengaruh rakan sebaya merupakan sumber paling kuat dalam membantu perkembangan diri, mengubah nilai dan sikap remaja apabila pengaruh ibu bapa serta keluarga berkurangan pada peringkat awal remaja (Anisa Saleha 2015). Interaksi dengan rakan sebaya akan mempengaruhi perkembangan pelajar khususnya dari perkembangan intelek, sahsiah, emosi dan sosial dan proses pembentukan akhlak pelajar di sekolah (Azhar 2006; Zakaria Stapa et al. 2012). Dari perspektif lain, pengaruh rakan sebaya membentuk sahsiah pelajar terhadap pengaruh yang bersifat negatif (Azhar 2006). Sekiranya pelajar bersosialisasi dengan rakan sebaya yang mempunyai sahsiah terpuji akan menyerap nilai-nilai positif daripada mereka (Zakaria Stapa et al. 2012).

Sokongan ibu bapa penting terhadap peningkatan pencapaian pelajar dengan memberi bimbingan, didikan, galakan dan dorongan dalam pembelajaran yang seterusnya membentuk sahsiah diri yang baik (Zakaria Stapa et al. 2012). Selain itu, sokongan ibu bapa dapat meningkatkan kemahiran kendiri pelajar supaya menjadi seorang yang lebih kreatif, bijak dan berkemahiran dalam membuat keputusan (Howard 2007). Sekiranya ibu bapa membina hubungan baik dengan guru atau pihak pengurusan sekolah, ibu bapa boleh berkongsi maklumat atau pandangan tentang amalan terbaik di sekolah, program atau aktiviti yang perlu disertai oleh pelajar dan sebagainya. Dengan kata lain, keterlibatan ibu bapa dapat mengembangkan interaksi dan kerjasama yang kompleks dengan pihak sekolah turut meningkatkan kemahiran dan prestasi pelajar di sekolah (Hill & Taylor 2004).

#### KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR

##### 1. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran berfikir meliputi beberapa kemahiran utama iaitu kemahiran mengumpul maklumat, kemahiran membuat keputusan, kemahiran membuat inferensi dan kemahiran membentuk analogi yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (Faridah Che Hussain et al. 2008; Abd Halim Zulkifli et al. 2008). Peta pemikiran dan peta minda merupakan alat berfikir bagi membantu pelajar untuk berfikir dan membuat penaakulan. Guru

sebagai fasilitator menggalakkan pelajar menyolo semasa aktiviti dalam bilik darjah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012). Kemahiran berfikir dibahagikan kepada dua bahagian iaitu aras rendah dan aras tinggi berdasarkan taksonomi Bloom. Aras pemikiran rendah terdiri daripada pengetahuan dan kefahaman, manakala aras pemikiran tinggi terdiri daripada aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dilaksanakan bagi menarik minat, meningkatkan pemahaman, keterlibatan pelajar dan membolehkan pelajar mengadaptasi kandungan pelajaran yang telah dipelajari (Baharudin Aris et al. 2014). Pemikiran kritis dan kreatif sangat penting dipupuk dalam kalangan pelajar sama ada dalam atau luar bilik darjah. Ini kerana persekitaran sekolah merupakan satu platform pembelajaran pelajar (Mohamad Mohsin et al. 2008). Pelajar-pelajar lebih berminat untuk melaksanakan tugas yang berkaitan dengan dunia sebenar mengikut pengalaman pelajar itu sendiri (Lombardi 2007).

##### 2. Kemahiran Sosial dan Interpersonal

Kemahiran sosial ialah hubungan interpersonal dan proses interaksi sesama manusia yang positif (Abdullah Sani et al. 2007). Pelajar perlu mahir dalam kemahiran sosial untuk berinteraksi dengan orang lain, bekerjasama dan mengukuhkan semangat jati diri dalam proses sosialisasi. Konsep kemahiran sosial mempunyai kaitan dengan teori interaksi simbolik. Ketika berinteraksi dengan orang lain, akan membentuk perasaan positif dalam diri sendiri dan orang lain (Giddens 1984). Pelajar yang mempunyai kemahiran sosial akan lebih baik dari segi kerjasama berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kemahiran sosial dan ini penting dalam proses pembelajaran pelajar (Hamidah Sulaiman et al. 2013).

Hubungan sosial dan interpersonal dapat meningkatkan motivasi pelajar dan keterlibatan pelajar dalam aktiviti di sekolah yang menyumbang kepada keberhasilan pelajar (Martin et al. 2009; Thomson 2010; Azmiza et al. 2014). Kemahiran interpersonal meliputi personaliti, sikap, tingkah laku yang baik, menunjukkan imej diri yang positif dan kebolehan berkomunikasi secara lisan ataupun bukan lisan (Ivy Deirdre Mangkau 2012). Kemahiran sosial dan interpersonal adalah kebolehan memahami individu lain serta menggunakan kemahiran ini untuk berinteraksi, bekerjasama, membimbing dan menguruskan komunikasi. Dengan itu, seseorang yang mempunyai kemahiran sosial dan interpersonal mempunyai sifat kepimpinan yang baik, dapat bekerja dalam pasukan dan mengekalkan perhubungan yang baik (Mohd Ali Jemali et al. 2011).

##### 3. Kemahiran Memimpin

Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum dapat melatih pelajar menjadi seorang pemimpin yang berkaliber, boleh mengawal diri dalam pelbagai keadaan, tidak mementingkan diri sendiri serta mengutamakan pandangan dan perasaan orang lain dalam membuat keputusan atau tindakan supaya matlamat yang ingin dicapai menjadi lebih

berkesan (Lokman Mohd Tahir et al. 2010). Pandangan ini berpadanan dengan kajian Noor Azyani A. Jalil et al. (2012) menyatakan bahawa kemahiran memimpin dalam diri pelajar dapat dibentuk dan diterapkan melalui kegiatan kurikulum yang dijalankan di sekolah. Kegiatan kurikulum akan memberi peluang kepada semua pelajar melibatkan diri dengan aktif secara individu atau berkumpulan, meningkatkan disiplin pelajar melalui penyemaian dan pemupukan nilai dengan sikap positif serta berkeyakinan tinggi dan berani. Selain itu, pelajar mampu menguruskan masa dengan bijak dalam kehidupan sehari-harinya.

Proses kepimpinan terbentuk apabila seorang pemimpin mampu mengemudi kumpulan atau orang yang dipimpin dengan baik (Gary Yukl 2001). Dalam konteks kurikulum atau gerak kerja luar bilik darjah, penerapan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar yang menjadi ketua akan menjamin aktiviti dijalankan berlangsung dengan lancar dan jayanya. Pandangan ini berpadanan dengan Helen M. Gunter (2001) yang menyatakan bahawa keterlibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum atau gerak kerja luar bilik darjah, seseorang individu mampu untuk memimpin organisasi yang mempunyai matlamat tertentu untuk dicapai. Ini dibuktikan dengan kajian Ahmad Esa et al. (2002) mendapat bahawa aktiviti kurikulum boleh membina kemahiran insaniah dalam diri pelajar dari aspek kemahiran kepimpinan.

#### 4. Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Pelajar yang mempunyai keupayaan berfikir, menggunakan maklumat dan berupaya mengemukakan cadangan yang bernalas untuk menyelesaikan masalah (Shahabuddin Hashim et al. 2003). Kecekapan dan keupayaan menggunakan minda untuk menilai kewajaran sesuatu idea, meneliti fakta, kebaikan atau kelemahan sesuatu hujah serta membuat pertimbangan wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah untuk menyelesaikan masalah (Zawiah Mat et al. 2008). Kemahiran menyelesaikan masalah dapat ditingkatkan dalam diri pelajar melalui penglibatan mereka dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Pelajar dide daharkan dengan cara mengendalikan sesuatu projek, masalah atau *Problem Based Learning* (PBL) yang membolehkan pelajar mengembangkan pengetahuan baru dan mengukuhkan kemahiran sedia ada (Noor Azyani et al. 2012).

Pelajar dapat menambah keyakinan diri, meningkatkan pengetahuan dan memberi pengalaman terhadap sesuatu tindakan dalam menyelesaikan masalah (Norasmahani et al. 2015). Aktiviti simulasi dalam proses pembelajaran mampu meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan menggalakkan daya fikir yang tinggi dalam kalangan pelajar (Wan Hasmah et al. 2013). Pelajar akan bergerak secara aktif dalam kumpulan dan menyelesaikan masalah yang diberikan secara rasional. Melalui proses ini, pelajar dapat menggerakkan minda mereka secara aktif dan dapat membantu proses pembelajaran mereka (Noor Azyani et al. 2012).

#### TEORI YANG BERKAITAN DENGAN SOKONGAN PERSEKITARAN DAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR

Teori sistem ekologi merupakan salah satu teori yang menyatakan fungsi perkembangan manusia yang mempunyai perkaitan antara manusia dan persekitaran iaitu berlakunya interaksi secara perlahan-lahan dan berterusan antara individu dengan persekitaran (Bronfenbrenner 1977). Persekitaran sebagai satu rangkaian yang merangkumi dalam dan luar rumah, di sekolah dan kawasan yang berhampiran di mana pelajar menjalani kehidupan mereka sehari-harian. Persekitaran ekologi terdiri daripada lima lapisan iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Faktor yang akan dijadikan boleh ubah adalah mikrosistem iaitu jantina, etnik dan kemampuan diri; ekosistem iaitu guru sekolah, rakan sebaya, hubungan ibu bapa, ahli keluarga dan perkara yang berlaku dalam persekitaran sekolah dan komuniti; mesosistem iaitu sokongan keluarga dan masyarakat setempat; makrosistem iaitu perkembangan remaja dan keterlibatan remaja dalam aktiviti di sekolah dan kronosistem adalah persekitaran budaya yang mempengaruhi perkembangan dan tingkah laku pelajar. Bronfenbrenner menegaskan tentang pentingnya hubungan yang baik antara sekolah, pelajar, keluarga pelajar dan masyarakat secara menyeluruh. Sokongan persekitaran memberi kesan terhadap keterlibatan pelajar yang mempunyai impak positif terhadap kemahiran insaniah pelajar (Bronfenbrenner 1977, 1986 & 1992; Shamsul Amri 2012).

Ahli sosiologi, Putnam (2000) menyatakan bahawa modal sosial merangkumi tiga elemen utama iaitu kepercayaan atau *trust* yang merangkumi kejujuran, sikap, toleransi dan kemurahan hati; jaringan sosial atau *social networks* yang merangkumi perhubungan dan kerjasama; dan norma atau *norms* iaitu nilai-nilai murni dan peraturan. Ketiga-tiga elemen modal sosial menjurus kepada kehidupan dalam kelompok sosial masyarakat, suku, bangsa atau kategori lain yang merangkumi struktur sosial masyarakat. Dapatkan kajian Nor Aini Mohamad Ibrahim et al. (2014), modal sosial sangat penting dalam pendidikan. Interaksi yang berlaku setiap hari di sekolah dalam kalangan pelajar dan guru sebenarnya telah membina modal sosial tanpa disedari. Pembelajaran yang berlaku dalam persekitaran, nilai yang dipegang oleh masyarakat tentang kepentingan pendidikan dan kepercayaan terhadap manfaat pendidikan kepada anak-anak menguatkan lagi modal sosial yang terbina. Bersesuaian dengan kajian yang dilakukan, kerangka konseptual kajian dan teori yang digunakan adalah gabungan daripada dua teori iaitu teori atau model sistem ekologi manusia (Bronfenbrenner 1979) dan teori modal sosial (Putnam 2000) untuk melihat sokongan persekitaran dan keterlibatan pelajar dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik sepenuhnya bagi mengumpul data. Instrumen kajian dibina sendiri berdasarkan kepada kerangka konseptual dengan merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013), Teori Sistem Ekologi Manusia Bronfrenbrenner (1979) dan Modal Sosial Putnam (2000) dengan menggunakan Skala Likert Lima Mata. Pemilihan item jawapan adalah berdasarkan skala 1 – sangat tidak setuju (STS) hingga skala 5 – sangat setuju (SS). Hal ini sesuai untuk penyelidik mengukur dimensi yang diingini dan respon bersifat homogen dalam mendiskriminasikan kategori skala (Asun et al. 2015).

Bagi tujuan kesahan muka dan kandungan, penyelidik menggunakan khidmat pakar-pakar dalam bidang sosiologi, pengujian penilaian dan bahasa. Respons pakar-pakar dalam bidang tersebut pada aspek berkaitan diambil kira dalam pemurnian item instrumen seterusnya. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah yang melibatkan seramai 200 orang pelajar tingkatan 4 dari empat jenis sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan sekolah berasrama penuh (SBP) di Negeri Sembilan. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini iaitu kekerapan, peratusan, skor min, sisihan piawai dan korelasi Pearson. Keseluruhan konstruk berada pada tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.896 hingga 0.965.

## PERBINCANGAN

## PROFIL RESPONDEN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan bahawa keseluruhan 200 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 78 orang atau 39.0 peratus adalah terdiri daripada lelaki, manakala seramai 122 orang atau 61.0 peratus lagi adalah terdiri daripada perempuan. Sementara itu, responden mengikut kaum, menunjukkan seramai 133 orang dengan 66.5 peratus dari kaum Melayu, seramai 45 orang dengan 22.5 peratus dari kaum Cina dan seramai 22 orang dengan 11.0 peratus dari kaum India. Dalam pada itu, dari segi jenis sekolah responden pula menunjukkan seramai 50 orang (25.0%) dari Sekolah Menengah Kebangsaan, seramai 50 orang (25.0%) dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan

JADUAL 1. Profil responden kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan
<i>Jantina</i>		
Lelaki	78	39.0
Perempuan	122	61.0
<i>Kaum</i>		
Melayu	133	66.5
Cina	45	22.5
India	22	11.0
<i>Jenis sekolah</i>		
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	50	25.0
Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC)	50	25.0
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	50	25.0
Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	50	25.0

Cina, seramai 50 orang (25.0%) dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, dan seramai 50 orang (25.0%) dari Sekolah Berasrama Penuh. Dapatan ini menunjukkan jumlah responden yang sama rata dari semua jenis sekolah yang terlibat.

## MENGKAJI TAHAP SOKONGAN PERSEKITARAN

Pelaksanaan sokongan persekitaran diukur berdasarkan tiga subkonstruk, iaitu sokongan guru, sokongan rakan sebaya dan sokongan ibu bapa. Analisis skor min dan sisihan piawai mengikut subkonstruk ditunjukkan dalam Jadual 2. Secara keseluruhan tahap sokongan persekitaran berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.95, sisihan piawai = 0.914). Subkonstruk sokongan guru mencatat skor min sederhana tinggi (min = 3.92, sisih piawai = 0.928). Subkonstruk sokongan rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.87, sisihan piawai = 0.931). Bagi subkonstruk sokongan ibu bapa mencatat interpretasi tahap tertinggi (min = 4.07, sisihan piawai = 0.882) yang membawa interpretasi tahap sangat tinggi.

Dapatan secara keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi. Menerusi kajian menunjukkan pengaruh yang signifikan sokongan guru dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Guru menekankan elemen kemahiran belajar semasa proses perbincangan, aktiviti sumbang saran, menggunakan peta minda atau peta

JADUAL 2. Tahap sokongan persekitaran

Konstruk	Subkonstruk	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Sokongan Persekutaran	Sokongan guru	3.92	0.928	Sederhana tinggi
	Sokongan rakan sebaya	3.87	0.931	Sederhana tinggi
	Sokongan ibu bapa	4.07	0.882	Tinggi
	Keseluruhan sokongan persekitaran	3.95	0.914	Sederhana tinggi

*i-think* dan menggunakan teknik penyoalan dalam proses pembelajaran pelajar (Anisa Saleha 2015). Selain itu, pergauluan dengan rakan pelbagai etnik dalam aktiviti kumpulan adalah digalakkan (Najeemah Mohd Yusof 2011). Dalam bilik darjah, guru berperanan sebagai fasilitator menggalakkan pelajar berinteraksi bersama ahli kumpulan dan menggunakan peta pemikiran sebagai alat berfikir bagi membuat refleksi dengan berkesan. Sekiranya pelajar berhujah di khalayak ramai juga merupakan sebahagian dari kemahiran insaniah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012).

Pengaruh rakan sebaya adalah penting dalam perkembangan intelek, sahsiah, emosi, sosial dan proses pembentukan akhlak pelajar di sekolah (Zakaria Stapa et al. 2012). Interaksi rakan pelbagai etnik dalam memberi pendapat atau idea, membimbang dalam pembelajaran, membantu dalam mengendalikan aktiviti dalam kumpulan dan bersama-sama menyertai aktiviti di peringkat sekolah atau komuniti berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini disokong oleh kajian Rozita Abdul Latif (2009) menyatakan bahawa interaksi bersama rakan sebaya membentuk pengalaman-pengalaman yang baru, seseorang yang dapat memahami jiwa, boleh meluahkan perasaan antara satu sama lain, dapat menolong rakan-rakan yang berada dalam kesusahan, dapat berkongsi idea atau bertukar-tukar pendapat mengenai perkara yang hampir sama dan melakukan pelbagai aktiviti di sekolah atau persekitaran tempat tinggal. Pada pandangan lain, kajian Zakaria Stapa et al. (2012) menyatakan bahawa pengaruh rakan sebaya penting dalam perkembangan remaja. Sekiranya remaja bergaul dengan rakan sebaya yang rajin belajar akan mendorong perkembangan intelek dan potensinya ke tahap optimum.

Dapatan kajian menunjukkan sokongan ibu bapa berada pada tahap tertinggi. Ini selari dengan kajian Suhaimi Abd Rahman (2013) mendapati ibu bapa yang memberi galakan terhadap pelajar seperti berbincang tentang masalah pelajaran, berfikir untuk mengemukakan soalan dan membimbang dalam menyelesaikan masalah berada pada tahap yang sederhana tinggi. Ini dibuktikan dengan dapatan kajian Zakaria Stapa et al. (2012) menjelaskan bahawa sokongan ibu bapa menunjukkan nilai signifikan terhadap pembangunan diri pelajar yang positif dengan memberikan bimbingan, didikan, galakan dan dorongan dalam pembelajaran untuk membentuk kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Selain itu, ibu bapa bukan sahaja menyediakan sumber dan keperluan pembelajaran tetapi melibatkan diri secara tidak langsung dalam proses pembelajaran pelajar.

#### MENGKAJI TAHAP KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR

Dalam kajian ini, kemahiran insaniah diukur berdasarkan empat subkonstruk, iaitu kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran sosial-interpersonal, kemahiran memimpin dan kemahiran menyelesaikan masalah. Analisis skor min dan sisihan piawai mengikut subkonstruk ditunjukkan dalam Jadual 3. Secara keseluruhan tahap kemahiran insaniah pelajar berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.81, sisihan piawai = 0.849). Subkonstruk kemahiran berfikir aras tinggi mencatat skor (min = 3.77, sisih piawai = 0.854), kemahiran sosial interpersonal (min = 3.83, sisihan piawai = 0.822), kemahiran memimpin (min = 3.83, sisihan piawai = 0.846) dan kemahiran menyelesaikan masalah (min = 3.82, sisihan piawai = 0.877).

JADUAL 3. Tahap kemahiran insaniah pelajar

Konstruk	Subkonstruk	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Kemahiran Insaniah	Kemahiran berfikir aras tinggi	3.77	0.854	Sederhana tinggi
	Kemahiran sosial interpersonal	3.83	0.822	Sederhana tinggi
	Kemahiran memimpin	3.83	0.846	Sederhana tinggi
	Kemahiran menyelesaikan masalah	3.82	0.877	Sederhana tinggi
	Keseluruhan kemahiran insaniah	3.81	0.849	Sederhana tinggi

Dapatan secara keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi. Menerusi kajian menunjukkan kemahiran insaniah dari segi kemahiran berfikir aras tinggi menunjukkan secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian Baharudin Aris et al. (2014) menunjukkan bahawa pelajar menguasai kandungan pelajaran, dapat mempelbagaikan kaedah untuk mencari penyelesaian sesuatu permasalahan selari dengan kehendak kemahiran berfikir aras tinggi. Selain itu, pelajar yang menggunakan peta pemikiran dan peta minda sebagai alat berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran turut membantu pelajar untuk berfikir dan membuat penaakulan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012). Jika disorot

kajian Neville (2008) menyatakan bahawa persekitaran kondusif adalah perlu untuk membantu pelajar mengalami sendiri keperluan pembelajaran bagi merangsang daya kreativiti, inovatif dan pemikiran kritis serta kreatif dalam diri pelajar.

Sementara itu, sokongan ibu bapa, rakan sebaya, guru dan persekitaran yang selamat mempunyai hubungan yang signifikan dengan keterlibatan pelajar dalam aktiviti di sekolah mahupun di luar sekolah. Dapatan kajian Murray-Harvey et al. (2007) menyatakan bahawa pengalaman pelajar mempunyai hubungan antara sosioemosi dengan pembelajaran pelajar yang dipengaruhi oleh keluarga, guru-guru dan rakan sebaya yang memberi motivasi kepada

pelajar. Selain itu, dapatan kajian Tengku Elmi Azlina et al. (2009) dan Siti Sarawati (2009) menyatakan bahawa kemahiran sosial dan interpersonal adalah sebahagian daripada aspek kecerdasan emosi yang membentuk keperibadian dan menentukan kecemerlangan pelajar. Kajian Mohd Ali Jemali et al. (2011) mengakui bahawa kemahiran sosial dan interpersonal adalah kebolehan pelajar memahami individu lain untuk berinteraksi, bekerjasama, membimbing dan menguruskan komunikasi untuk mengekalkan hubungan yang baik. Dengan itu, seseorang yang mempunyai kemahiran interpersonal mempunyai sifat kepimpinan yang baik, dapat bekerja dalam pasukan dan mengekalkan perhubungan yang baik.

Dapatan kajian bagi item kemahiran memimpin berada pada tahap sederhana tinggi. Keterlibatan pelajar dalam aktiviti berkumpulan. Kajian yang dijalankan oleh Lokman Mohd Tahir et al. (2010) dan Noor Azyani A. Jalil et al. (2012) menunjukkan bahawa keterlibatan pelajar menerusi aktiviti kurikulum dapat melatih pelajar menjadi seorang pemimpin yang berkaliber, boleh mengawal diri dalam pelbagai keadaan, tidak mementingkan diri sendiri serta mengutamakan pandangan dan perasaan orang lain dalam membuat keputusan atau tindakan supaya matlamat yang ingin dicapai menjadi lebih berkesan. Dapatan kajian Haslina Md Yunus et al. (2015) menyatakan bahawa pelajar mempunyai personaliti kepimpinan kerana pelajar pada hari ini tidak lagi pasif. Persekutaran sekolah yang kondusif dan sistem pembelajaran di bilik darjah yang aktif akan membantu dalam meningkatkan kebolehan pelajar dari pelbagai aspek.

Dapatan kajian menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah berada pada tahap yang sederhana tinggi. Pelajar seharusnya melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan dan bekerjasama menyumbang idea kepada penyelesaian sesuatu permasalahan. Guru berperanan sebagai pemudahcara. Ini dibuktikan dengan kajian yang dijalankan oleh Noor Azyani et al. (2012) menyatakan bahawa pelajar akan merasai pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah dengan cara pendekatan pembelajaran berdasarkan penyelesaian masalah. Begitu juga dengan kajian Norasmahani et al. (2015) menyatakan bahawa pelajar dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang tidak pernah ditemui dahulu dan berkaitan dengan situasi sebenar melalui proses dedikasi, sintesis dan pelaksanaan logik. Pelajar mempunyai keupayaan berfikir yang tinggi berupaya mengemukakan cadangan yang berasas untuk menyelesaikan masalah dan persoalan yang rumit.

#### MENGENAL PASTI HUBUNGAN SOKONGAN PERSEKITARAN DENGAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR

Analisis korelasi Pearson seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.68 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan persekitaran dengan kemahiran insaniah pelajar sekolah menengah dengan nilai ( $r = 0.701$ ) dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p < 0.01$ ). Kekuatan hubungan ialah positif kuat. Secara keseluruhannya menunjukkan

JADUAL 4. Korelasi antara sokongan persekitaran dengan kemahiran insaniah pelajar

Domain	Keterlibatan Pelajar R	Keterlibatan Pelajar Sig.	Interpretasi
Sokongan persekitaran	0.701	0.000	Kuat

\*\* $p < 0.01$

bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan persekitaran dengan kemahiran insaniah pelajar sekolah menengah. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar menguasai kemahiran insaniah pada tahap tinggi. Kesimpulannya,  $H_0$ 1 adalah ditolak.

Guru, rakan sebaya dan ibu bapa merupakan di antara penyumbang dalam meningkatkan motivasi pelajar. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Mohanaraju et al. (2010) mendapat bahawa sokongan keluarga dan keterlibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti di sekolah mempunyai pengaruh terhadap kemahiran insaniah pelajar. Pelajar yang tidak berminat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti di sekolah sekiranya tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa dan keluarga. Namun demikian, pelajar tersebut akan menguasai kemahiran insaniah pada tahap yang tinggi sekiranya mereka mendapat sokongan daripada ibu bapa, guru dan rakan sebaya berbanding dengan pelajar yang berminat untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti di sekolah.

Keseluruhan kajian ini mengukuhkan lagi teori sistem ekologi manusia Bronfenbrenner (1979) dan modal sosial Putnam (2000) menyatakan bahawa sokongan persekitaran dan keterlibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti dapat meningkatkan serta memantapkan kemahiran insaniah yang ada dalam diri mereka. Kemahiran insaniah sering dikaitkan dengan gambaran tentang personaliti, sikap, tabiat, tingkah laku, cara berkomunikasi, membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah, kerjasama berpasukan, kepimpinan dan pembelajaran berterusan. Jelaslah bahawa kemahiran insaniah merupakan satu set kemahiran yang bertujuan untuk melengkapkan pembentukan insan yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal, berdasarkan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan (Hazilah Mohd Amina et al. 2013). Seterusnya, kajian ini mencadangkan agar pihak sekolah memainkan peranan penting dalam menyediakan negara dengan modal insan berkualiti yang memiliki sahsiah terpuji, berkemahiran tinggi, serta mampu berfikir secara kreatif dan kritis khususnya untuk mengisi arus pemodenan menuju wawasan 2020 dan Transformasi Negara 2050.

#### KESIMPULAN

Sokongan persekitaran memberi kesan terhadap keterlibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti di sekolah untuk meningkatkan kemahiran insaniah seterusnya kemenjadian

dan keberhasilan pelajar. Sekolah perlu sentiasa berjaya melahirkan modal insan yang holistik serta mampu bersaing di persada antarabangsa. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang memberi penekanan terhadap aspek kemahiran insaniah pelajar melalui dimensi Aspirasi Sistem dengan menyasarkan usaha memantap dan memperkasakan pencapaian akademik pelajar seperti yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak akan tercapai. Oleh itu, semua pihak seharusnya memberi sokongan dan peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Tanpa kerjasama daripada semua pihak terutama warga sekolah itu sendiri, maka penerapan kemahiran insaniah dalam diri pelajar sepanjang mereka berada di alam persekolahan tidak dapat dicapai.

Kajian membawa implikasi bahawa guru seharusnya komited menggunakan pelbagai pendekatan semasa menyampaikan pengajaran untuk menarik minat pelajar. Motivasi guru akan meningkatkan keterlibatan pelajar yang mempengaruhi kecemerlangan dan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, rakan sebaya perlu memupuk sikap kerjasama, bantu membantu dan memberi sokongan antara satu sama lain ketika menyertai pelbagai aktiviti di sekolah. Di samping itu, ibu bapa perlu memberi perhatian sewajarnya agar pelajar merasa dihargai dihargai. Sokongan guru, rakan sebaya dan ibu bapa akan membawa implikasi pelajar dapat belajar secara seronok dan akan melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti di sekolah. Ini akan meningkatkan kemahiran insaniah dan kecemerlangan pelajar. Kajian ini berbentuk tinjauan yang melibatkan pelajar dan empat jenis sekolah sahaja. Kajian lanjutan boleh dibuat secara kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang terperinci bagi tujuan penambahbaikan untuk isu yang dibincangkan.

#### RUJUKAN

- Abd Halim Zulkifli & Ahmad Kilani Mohamed. 2008. Kemahiran berfikir menurut perspektif Islam. *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial Jld 1: 143-150*. Melaka: Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed & Abdul Ghani Abdullah. 2007. *Guru sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Esa, Jailani Mohd. Yunus, & Fadilah Mat Assain @ Hashim. 2011. Penerapan kemahiran insaniah di sekolah menengah teknik: satu analisis perbandingan dalam tiga platform yang berbeza. *Journal of Techno-Social* 3(2): 23-41.
- Ahmad Esa & Siti Khadijah Ab Manap. 2012. Pembangunan kemahiran kepimpinan menerusi kadet remaja sekolah (KRS) dalam kalangan pelajar sekolah menengah teknik. *Jurnal Personalia Pelajar* 15: 45-50.
- Anisa Saleha. 2015. Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asun, R.A., Rdz-Navarro, K. & Alvarado, J.M. 2015. Developing multidimensional Likert scales using item factor analysis the case of four-point items. *Sociological Methods and Research*: 1-20.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di Sarawak. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmiza Ahmad, Saemah Rahman & Ruslin Amir. 2014. Keberkesanan modul idea-i terhadap kemahiran daya tindak dan kemenjadian murid. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014*. 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah. Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2012. *Program i-Think: Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baharuddin Aris, Hasnah Mohamed, Norasykin Mohd Zaid & Zaleha Abdullah. 2014. Penggunaan pelajar dalam kemahiran berfikir aras tinggi dengan pembelajaran kaedah sokratik. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, <http://www.researchgate.net/publication/274701598> [12 Januari 2016].
- Bronfenbrenner, U. 1977. Toward and experimental ecology of human development. *American Psychologist* 32: 513-531.
- Bronfenbrenner, U. 1986. Ecology of the family as a context of human development. Research Perspective. *Developmental Psychology* 22: 723-724.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. 1986. Ecology of the family as a context of human development. Research Perspective. *Developmental Psychology* 22: 723-724.
- Bronfenbrenner, U. 1992. Ecology systems theory. Dlm *Six Theories of Child Development: Revised Formulations and Current Issues* (6): 187-249, disunting oleh Vasta, R. London, England: Jessica Kingsley Publishers, LTD.
- Fadilah Mat Assain@Hashim & Hasmadi Mat Safar. 2010. *Penerapan Kemahiran Insaniah di Sekolah Menengah Teknik: Satu Analisis Perbandingan*. [7 Nov 2017].
- Faridah Che Hussain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2008. Pembentukan akhlak mulia mahasiswa melalui penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah: satu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran di IPT. *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial Jld. 1: 133-142*. Melaka: Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Gary Yukl. 2001. *Leadership in Organizations*. <http://www.ncsl.org.uk/media/F7B-97-randdleaders-business-yukl.pdf>. [17 Mei 2018].
- Giddens, A. 1984. *The Constitution of Society*. Cambridge: Polity Press
- Hamidah Sulaiman, Afandy Sutrisno Tanjung, Norfaezah Md. Khalid, Norsafatul Aznin A. Razak & Nor Hasbuna Salleh. 2013. Kecergasan emosi dalam meningkatkan keperibadian remaja. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik-Julai 1* (3): 28-33.
- Haslina Md Yunus, Abdul Razaq Ahmad & Anisa Saleha. 2015. Kemahiran Insaniah Ke Arah Pembentukan Potensi Pelajar. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education, November*: 198-215.
- Hazilah Mohd Amina, Johari Jaafar, Zaihosnita Hooda, Saidah Saada & Hamizah Mohd Amina. 2013. Kemahiran Insaniah

- Pelajar Prasiswazah: Analisis Perbezaan Jantina. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 61(1): 19-25.
- Helen M. Gunter. 2001. *Leaders and Leadership in Education*. London: Paul Chapman Publishing.
- Hill, N. E., & Taylor, L. C. 2004. Parental school involvement and children's academic achievement: Pragmatics and issues. *Current Directions in Psychological Science* 13(4): 161-164.
- Howard Family Research Project. 2007. Family involvement makes a difference: evidence that family involvement promotes school success for every child of every age. *Howard Graduate School of Education* (3): 1-12.
- Ivy Deirdre Mangkau. 2012. Penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2*. 40-49.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Program i-Think, Membudayakan Kemahiran Berfikir. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lokman Mohd Tahir & Osmayati Othman. 2010. Keperluan aktiviti kurikulum (beruniform) kepada pelajar tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan di daerah Langkawi. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Lombardi, M.M. 2007. Authentic learning for the 21st century: An overview. <http://net.educause.edu/ir/library/pdf/ELI3009.pdf>. [9 Oktober 2015].
- Marliana Ali & Ahmad Esa. 2011. Tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan, UTHM. *Journal of Techno Social* 1(6): 77-94.
- Martinez, M. M. S. 2005. *What Does "Success Skills" Mean Across the Country? Defining Success Skills for the 21<sup>st</sup> Century*. California: Los Rios Community College District's Workplace Learning Resource Center.
- Mohamad Johdi Salleh, Mazliza Kamin & Jane Frances Henry. 2012. Kajian terhadap faktor-faktor mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah. *Labuan International Conference on Educational Research – LICER 2012*. 5-7 Julai.
- Mohamad Mohsin & Nasruddin. 2008. Halangan-halangan kepada usaha memupuk kreativiti di kalangan pelajar. *Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008*, 18-19 Ogos.
- Mohanaraju Annamalai, Ahmad Tajuddin Othman & Abdul Ghani Kanesan Abdulah. 2010. *Pengaruh Sokongan Keluarga dalam Penglibatan Kokurikulum Sekolah Terhadap Pencapaian Kemahiran Insaniah Murid*. [www.medc.com.my/medc/seminar\\_medc/fromCD/pdf/53.pdf](http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/pdf/53.pdf) [13 Jun 2014].
- Mohd Ali Jemali, Ahmad Esa & Razali Hassan. 2011. Kesediaan kemahiran sosial dan kesedaran sosial guru-guru pelatih di IPG terhadap tugas-tugas guru-guru di sekolah. *Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2011*, 27-28 Disember, UPM Serdang.
- Mok Soon Sang. 2003. *Ilmu pendidikan untuk KPLI (Komponen 3: Profesionalisme keguruan) Sekolah Rendah*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Murray-Harvey, R. & Slee, P. T. 2007. Supportive and stressful relationships with teachers, peers and family and their influence on students' social/emotional and academic experience of school. *Australian Journal of Guidance and Counselling* 17(2): 126-147.
- Najeemah Mohd Yusof. 2010. Perspektif sosiologi dalam fungsi sosial pendidikan di Malaysia. *Diges Pendidik* 10(1): 37-49.
- Neville, M.G. 2008. Using appreciative inquiry and dialogical learning to explore dominant paradigms. *Journal of Management Education* 32(1): 100-119.
- Noor Azyani A. Jalil & Ahmad Esa. 2012. Kemahiran menyelesaikan masalah menerusi aktiviti kokurikulum (khidmat masyarakat) dalam kalangan pelajar UTHM. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV* (2): 101-112.
- Norasmahani Nor, Zulkefli Aini & Khadijah Abdul Razak. 2015. Impak teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam menjana kemahiran berfikir aras tinggi dalam pendidikan islam. *International Seminar on Tarbiyah (ISoT 2015)*, 5-8 Mac 2015: 1-14.
- Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim. 2007. *Profesion Perguruan*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aini Mohamad Ibrahim, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. 2014. Modal sosial dalam kalangan pelajar universiti. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Global II*. 24-25 Februari 2014. 2397-2410.
- Quirk. 2005. Learning for the workplace: A case study in graduate employees generic competencies. *Journal of Workplace Learning* (17): 231-242.
- Robert D. Putnam. 2000. *Bowling Alone*. New York: Simon & Schuster Paperbacks.
- Rozita Abdul Latif. 2009. Pengaruh sokongan interpersonal ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan persekitaran fizikal terhadap penglibatan remaja dalam aktiviti fizikal. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Ismail. 2003. *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik, Edisi Kedua*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Sarawati Johar. 2009. Kepentingan penguasaan kecerdasan emosi (EQ) pelajar luar bandar: harapan dan cabaran dalam pembentukan modal insan berjiwa kelas pertama. *International Conference on Human Capital Development (ICONHCD 2009)*, 25-27 May 2009, Kuantan, Pahang.
- Suhaimi Abd Rahman. 2013. Faktor sosial dalam pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah. *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam*: 478-492.
- Supian Hashim. 2010. Amalan kepimpinan lestari dan hubungannya dengan prestasi kerja guru sekolah rendah yang menerima tawaran baru di daerah Segamat. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahmood & Jamaludin Badusah. 2013. Kemahiran komunikasi interpersonal ekspresif: mencipta guru bahasa Indonesia yang penyayang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13(1): 139-154.
- Tan Swee Chen & Rosnah Sutan. 2013. Faktor-faktor sokongan sosial yang mempengaruhi penghargaan kendiri remaja

- sekolah menengah daerah Melaka Tengah. *Journal of Social Sciences and Humanities* 8(1): 20-29.
- Teoh, H. J. & Nur Afiqah. 2010. Self-esteem among young adults: The effect of gender, social support and personality. *MJP online* [17 September 2018].
- Tengku Elmi Azlina Tengku Muda. 2009. Hubungan sistem kekeluargaan dengan konsep kendiri remaja bermasalah tingkah laku di sekolah menengah kebangsaan Desa Petaling, Kuala Lumpur. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Thompson, M. D. 2012. Student leadership development and orientation: contributing resources within the liberal art. *American Journal of Educational Research* 1(1): 1-5. <http://vubs.sciepub.com/education> [15 September 2018].
- Wan Hasmah Wan Mamat & Nur Munirah Teoh Abdullah. 2013. *Siri Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran: Pembelajaran Koperatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilhelm, W. J., Logan, J., Smith, S. M., Szul, L. F. 2002. *Meeting the Demand: Teaching Soft Skills*: 43-57.
- Yahya Buntat & Muhamad Shahabudin Hassan, 2011. Kemahiran komunikasi dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar. Satu tinjauan dikalangan ahli jawatankuasa Kolej mahasiswa. Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 155-172.
- Zawiah Mat & Norida Abdullah. 2008. Pemikiran kritis dan kreatif. Dlm. *Kemahiran Insaniah, 7 kompetensi unggul mahasiswa*, disunting oleh Mohd Taib Dora, Norliah Kudus, Mahadi Abu Hassan & Ruziah Ali. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Irwan Fariza Sidik\*  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: irwanfariza.ukm@gmail.com
- Mohd Mahzan Awang  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: mahzan@ukm.edu.my
- Abdul Razaq Ahmad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: razaq@ukm.edu.my
- Pengarang untuk surat-menyerat, email: irwanfariza.ukm@gmail.com
- Diserahkan: 15 Ogos 2018  
Diterima: 23 September 2018  
Diterbitkan: 31 Disember 2018